Buletin Jabatan

# Pendaftar

Universiti Teknologi MARA

Januari - Disember 2024




UiTM di hatiku



# BENGKEL STRATEGI TADBIR URUS DAN PENTADBIRAN PENSTRUKTUR SEMULA KOLEJ PENGAJIAN KE FAKULTI

Bengkel Strategi Tadbir Urus dan Pentadbiran Penstruktur Semula Kolej Pengajian ke Fakulti 15 November 2024 di Dewan Al Ghazali Bahagian Kemajuan Kerjaya. Mesyuarat telah menyenaraikan beberapa isu pentadbiran dan pengoperasian yang perlu untuk diambil perhatian dan selesaikan bagi memastikan penstruktur Kolej Pengajian ke Fakulti berjalan dengan lancar. Beberapa pentadbiran dan pengoperasian yang dibincangkan telah dibahagikan kepada lima kategori :

1. Perjawatan dan Pengajian Tugas
2. Tadbir Urus dan Pengurusan Sumber
3. Kepimpinan, Sinergi dan Pengurusan Perubahan
4. Pemantauan dan Keberkesanan Initiatif
5. Peningkatan Kerjaya dan Kebajikan Staf

Objektif bengkel ini bagi mengembangkan strategi menyeluruh yang menyokong pelaksanaan penstruktur semula selaras dengan Pekeliling Naib Canselor Bil. 7/2024. Disamping itu, merangka pelan pelaksana yang merangkumi kelima-lima kategori isu yang dibincangkan dan memastikan peralihan yang lancar dan efisien dari Kolej Pengajian ke Fakulti dengan menangani isu-isu pentadbiran dan operasi yang telah dikenal pasti.








Jabatan Pendaftar
Aras 3, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor

Januari - Disember 2024